

22 APR 2002

LEAD Mahathir-MCA/I

MAHATHIR AKAN TEMUI PEMIMPIN MCA MENGENAI KONFLIK PARTI

SEPANG, 22 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau perlu berbincang dengan pihak-pihak yang berkenaan dalam MCA mengenai masalah yang sedang berlaku dalam parti itu sebelum membuat apa-apa kenyataan mengenai perkara itu.

Perdana Menteri telah dihujani dengan soalan mengenai isu yang menyelubungi MCA pada persidangan media sejurus selepas ketibaannya di Lapangan Terbang Antarabangsa KL di sini dari lawatan ke Maghribi, Libya dan Bahrain.

Apabila ditanya mengenai cadangan pencalonan hari ini bagi pemilihan peringkat bahagian parti itu yang sedang dipertikaikan, Dr Mahathir berkata: "Saya akan menyatakannya setelah saya berbincang dengan mereka yang berkenaan."

Beliau berkata semua krisis pada akhirnya diselesaikan juga.

Ketika ditanya sama ada masalah dalam MCA sekarang ini akan memberi kesan kepada cadangan mengadakan pilihan raya lebih awal, perdana menteri berkata: "Jawapannya sudah tentu tiada jawapan."

Ketika ditemui pemberita di lapangan terbang itu, Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata beliau tidak membincangkan isu-isu parti dengan Dr Mahathir di lapangan terbang itu.

Ditanya sama ada beliau akan menemui Perdana Menteri hari ini, Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan berkata, pihak media akan diberitahu mengenainya sebaik sahaja temu janji diperolehi.

Mengeni proses pencalonan itu, beliau berkata: "Mengikut apa yang diberitahu kepada saya, semuanya selaras dengan perlembagaan. Semuanya mengikut peraturan dan ia seharusnya diteruskan."

Difahamkan bahawa penjadualan semula pemilihan peringkat bahagian adalah antara tiga perkara utama dalam memorandum mengenai agenda Perdana Menteri bagi perdamaian dan kestabilan ke arah menamatkan perbalahan dalam MCA itu.

Dua perkara lagi ialah mengekalkan status quo di semua peringkat parti dan membatalkan cadangan mesyuarat agung luar biasa (EGM) oleh Team B pimpinan Timbalan Presiden parti itu Datuk Lim Ah Lek.

Dr Ling dilaporkan berkata semalam bahawa sesetengah daripada cadangan yang sudah ditandatangani oleh Team B adalah tidak mengikut perlembagaan.

Penjadualan semula pemilihan peringkat bahagian dipercayai menjadi perbalahan sehingga pemimpin-pemimpin dalam Team A enggan menandatangani memorandum itu.

Dr Ling dilaporkan mengesahkan bahawa penangguhan pemilihan itu dianggap satu daripada perkara yang melanggar perlembagaan parti.

Ketika ditanya kenapa beliau tidak menghubungi Dr Mahathir semasa perdana menteri berada di luar negara, presiden MCA itu berkata beliau berpendapat tidak mudah untuk "bercakap dari jarak jauh".

Dr Mahathir dan puak-puak yang bertelagah itu, kemudian telah bergambar bersama-sama.

Ditanya pengertian sesi bergambar itu, Dr Ling berkata: "Ia melambangkan satu hasrat supaya perpaduan dan kerjasama perlu sentiasa wujud."

Lim, yang turut ditemui pemberita di KLIA berkata, beliau yakin dengan pengalaman luasnya, Dr Mahathir akan dapat menyelesaikan konflik dalam MCA itu.

Katanya perdana menteri mahu kedua-dua kumpulan itu bersatu kerana

sebarang perpecahan dalam MCA akan melemahkan parti itu, satu daripada komponen terbesar dalam Barisan Nasional.

Lim berkata masyarakat Cina juga tidak mahu perpecahan itu berlaku kerana ia akan memberi kesan kepada BN.

Timbalan presiden MCA itu berkata beliau membatalkan hasrat mengadakan EGM itu kerana beliau mahu menyelesaikan isu itu secara baik untuk kepentingan MCA dan BN.

"Sebuah MCA yang lemah tidak akan dapat membantu BN dalam pilihan raya umum akan datang," katanya.

Beliau berkata hakikat bahawa campur tangan Dr Mahathir diperlukan menunjukkan pemimpin-pemimpin MCA amat bimbang dengan keadaan yang berlaku.

"Beliau juga bimbang. Sebab itulah sekarang ini kami harap PM akan dapat menyelesaikannya," kata Lim.

-- BERNAMA

MAM ZS MAI